

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)74

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

74. Bagaimanakah perkembangan 'hawa'ij asliyyah' (had keperluan asas) zakat yang telah diluluskan tahun 2024 oleh Jawatankuasa Fatwa?
- (a) Sebutkan sebab penangguhan sedangkan fatwa telah memutuskan untuk dilaksanakan pada tahun 2024?
 - (b) Nyatakan anggaran kutipan zakat yang berkurangan atau sebaliknya sekiranya dilaksanakan kadar hawaij baru ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

74. Kajian mengenai semakan penentuan al-Hawa'ij al-Asliyyah bagi Muzakki di negeri Pulau Pinang telah bermula pada bulan Ogos tahun 2022 setelah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Produk ZPP. Kumpulan Penyelidik dari UiTM Pulau Pinang telah dilantik untuk melaksanakan kajian ini melalui prosedur pemilihan yang ditetapkan.

Kajian al-Hawa'ij Al-Asliyyah ini selesai pada 29 November 2023 apabila kumpulan Penyelidik UiTM Pulau Pinang membentangkan hasil kajian kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan pandangan dan kelulusan dari sudut hukum.

Zakat Pulau Pinang juga telah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Isu Kefatwaan Zakat Pulau Pinang Tahun 2023 (SIFZA 3.0) pada 15 Disember 2023 di Bertam Resort, Kepala Batas.

Antara pengisian seminar tersebut adalah untuk mendapat maklum balas mengenai hasil kajian terbaharu kadar al-Hawa'ij al-Asliyyah tersebut daripada institusi zakat negeri-negeri yang dijemput khas untuk menyertai SIFZA 3.0. Maklum balas yang diterima daripada wakil-wakil institusi zakat negeri seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Pusat Zakat Pahang (PKZ) dan Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor adalah agar cadangan kadar baharu al-Hawa'ij al-Asliyyah diperhalusi semula oleh Zakat Pulau Pinang kerana kadar tersebut terlalu tinggi berbanding kadar al-Hawa'ij al-Asliyyah semua negeri di Malaysia.

- (a) Zakat Pulau Pinang telah memaklumkan kepada Bahagian Kefatwaan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang untuk

menangguhkan dahulu kadar baharu tersebut dan meminta Kumpulan Penyelidik UiTM Pulau Pinang mendapatkan data-data mengenai al-Hawajj al-Asliyyah di PPZ, LZS dan PKZ bagi kajian perbandingan institusi zakat negeri-negeri ini antara yang melaksanakan kajian terkini mengenai al-Hawa'ij al-Asliyyah). Hasil daripada pengumpulan data yang diperolehi, Kumpulan Penyelidik UiTM Pulau Pinang telah membentangkannya pada 22 April 2024. Antara dapatan yang diperolehi antaranya ialah:

- (i) PPZ, LZS dan PKZ telah menjalankan kajian semakan al-Hawa'ij al-Asliyyah dengan kerjasama universiti awam, namun hasil kajian mendapati kadar yang dicadangkan terlalu tinggi dan boleh menjejaskan kutipan zakat negeri-negeri tersebut; dan
- (ii) Jumlah permohonan agihan zakat meningkat setiap tahun kerana kos sara hidup yang tinggi, peningkatan kadar penyakit, bencana alam dan sebagainya menjadi faktor yang menyebabkan jumlah kutipan perlu ditingkatkan setiap tahun agar dapat menyantuni asnaf sedia ada dan baharu.

- (b) Baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam dan inisiatif subsidi bersasar yang akan diumumkan pada Belanjawan Tahun 2025 nanti. Perkembangan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi pendapatan individu secara positif. Bagi memelihara masalah golongan asnaf di Pulau Pinang, maka Zakat Pulau Pinang berpandangan ada keperluan untuk mengkaji semula secara terperinci kadar baharu al-Hawa'ij Al-Asliyyah Muzakki Negeri Pulau Pinang agar kemampunan kutipan zakat setiap tahun dapat dikekalkan dan kekuatan dana agihan zakat mampu merapatkan kesenjangan sosioekonomi ummah di negeri Pulau Pinang.

Dari sudut pelaksanaan, ianya masih di peringkat penelitian pihak pengurusan ZPP kerana ia perlu mengambil kira masalah yang melibatkan kepentingan dan hak asnaf atau mustahik selain perlu membentangkannya di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP bagi mendapat kelulusan terlebih dahulu.

Kajian lebih mendalam perlu dilakukan kerana tindakan terburu-buru menerima pakai kajian sedia ada akan mengakibatkan kutipan zakat boleh merosot 30% hingga 50% sekaligus boleh menjejaskan dana zakat yang diperlukan bagi menyantuni golongan asnaf di Pulau Pinang.

Oleh itu, jelas di sini bahawa peranan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang adalah untuk memberikan pandangan dan kelulusan dari aspek hukum. Manakala dari aspek pelaksanaannya, Lembaga Pengarah ZPP bertanggungjawab membuat keputusan setelah mengambil pertimbangan semua perkara yang melibatkan kepentingan dan hak asnaf di Pulau Pinang.